

Ulama Dan Cendekiawan Islam Perlu Bantu Tangkis Fitnah Di Alam Maya
Bernama
19 Februari , 2012

KUALA LUMPUR, 19 Feb (Bernama) -- Golongan ulama dan cendekiawan Islam perlu membantu dengan menyuarakan pandangan serta nasihat bagi menangkis fitnah tidak bertanggungjawab mengenai kerajaan dan Islam.

Pensyarah Institut Pendidikan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia Profesor Datuk Dr Sidek Baba berkata kelantangan golongan itu dapat membantu dalam menangkis fitnah yang ditujukan kepada kerajaan.

"Sejak zaman kerajaan Islam Andalusia lagi, kita lihat hubungan antara ulama dan umara amat baik. Melalui hubungan ini juga, ulama perlu berikan pandangan dan nasihat supaya kerajaan dapat berjalan dengan baik.

"Kini kita berdepan dengan dimensi maya di mana fitnah dilakukan dalam dimensi ini, terutama oleh generasi muda, jadi ulama perlu mendekati golongan ini dengan kasih sayang, tegur dengan bijaksana, dan kritik dengan adab," katanya kepada Bernama pada majlis Himpunan Ulama, Cendekiawan Islam dan Penulis Maya Kebangsaan 2012 di sini.

Beliau berkata ulama dan cendekiawan Islam juga perlu bersikap terbuka kepada penulis maya kerana mereka berpotensi sebagai pembina negara suatu hari nanti.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=646559>